

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG WANITA PERKIM KE-20
DI HOTEL GRAND SEASONS, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 22 APRIL 2000
JAM 10.00 PAGI**

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke-hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama dalam majlis yang penuh bermakna iaitu Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Wanita PERKIM Yang Ke-20 ini. Saya juga difahamkan bahawa Mesyuarat Agung pada tahun ini agak istimewa kerana ia juga adalah salah satu acara sempena sambutan ulang tahun ke-20 penubuhan Wanita PERKIM. Kebetulan juga ia jatuh dalam bulan Muharram tahun baru Hijrah tahun 1421.

2. Ia adalah satu petanda baik bagi perkembangan dan kemajuan Wanita PERKIM. Walaupun saya tidak terlibat secara langsung dalam pertubuhan puan-puan namun saya tetap mengikuti peningkatan dan prestasinya tahun demi tahun. Saya difahamkan Wanita PERKIM kini mempunyai lebih daripada 54 cawangan di seluruh negara.

3. Sebagaimana pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain kita semua sedar bahawa objektif dan matlamatnya adalah sama iaitu membantu negara dan meningkatkan kualiti kehidupan kaum wanita di bandar, di luar bandar, suri rumah, ibu tunggal atau mereka yang bekerja. Matlamat kita adalah untuk kesejahteraan wanita supaya mereka muncul sebagai pelengkap yang dinamik dan aktif memainkan peranan untuk kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

4. Kesejahteraan wanita, khasnya dan rakyat amnya, bergantung kepada kestabilan politik dan kekukuhan ekonomi negara. Mungkin puan-puan telah maklum bahawa saya dan

rombongan BAKTI dan NGO baru sahaja pulang dari Iraq untuk melihat dengan mata kami sendiri keadaan kehidupan rakyatnya yang sebenar di negara itu. Pengalaman dan gambaran yang kami lihat memberi iktibar yang amat berkesan di hati sanubari kami iaitu betapa rapuhnya nasib sesuatu kumpulan manusia akibat peperangan, konflik politik antarabangsa yang menyetuskan sekatan ekonomi yang menyeluruh selama 10 tahun. Tidak ada perkataan yang boleh saya gunakan untuk menggambarkan kepedihan, penderitaan dan cabaran yang dihadapi oleh orang-orang Islam di sana khasnya wanita dan kanak-kanak. Kekurangan zat makanan, penyakit berjangkit dan kekurangan ubat-ubatan dan peralatan adalah antara faktor yang membawa kepada kadar kematian meningkat tinggi di kalangan mereka sekaligus raengurangkan punca tenaga manusia. Alangkah ruginya sesebuah negara itu apabila nasib rakyat jelata terancam dan sukar dibela. Marilah kita sebagai wanita Islam bersama-sama menggesa P.B.B. menarik balik sekatan ekonomi terhadap Iraq itu dengan secepat mungkin sebagai langkah perikemanusiaan.

5. Bukan sahaja di Iraq di mana nasib orang Islam terancam, malah dari Rusia ke Asia Barat hinggalah ke Timur Jauh, dari Barat hingga ke Timur amnya, nasib dan kedudukan umat Islam tidak terbela dan semakin lemah. Bukanlah niat saya untuk mematahkan hati dan semangat kita orang Islam tetapi adalah untuk memberi keinsafan, kesedaran dan menjadi teladan serta sempadan kepada kita umat Islam di Malaysia khususnya.

6. Sedarlah, saudara saudari sekalian, kita di dalam negara Malaysia bumi yang bertuah ini, cuma 60% sahaja orang Islam. Masalah yang terdapat dalam golongan kita adalah banyak; golongan muda terlibat dengan aktiviti sosial yang tidak sihat, golongan dewasa berfahaman berbeza sehingga menjejaskan Agama kita sendiri. Penyelewengan tafsiran Agama dan fatwa-fatwa dibuat dengan mudah hingga ummah Islam dalam Negara keliru dengan ajaran-ajaran ini. Perpecahan ummah dalam Negara ini sudah nyata dan berada di tahap yang membimbangkan. Apakah kita wanita Islam akan berdiam diri sahaja dan melihat ummah kita berpecah?

7. Setiap kita perlu menyedari hakikat bahawa kita perlu bersatu padu, menguasai ilmu dan teknologi, bersedia daripada segi fizikal dan mental, meningkatkan kualiti kehidupan melalui aktiviti ekonomi dan berkhidmat dengan jujur ikhlas demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara.
8. Allah Subhanahu wa Ta'ala telahpun berfirman dalam Surah Ar-Rad ayat 11 iaitu yang bermaksud, “....Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum itu sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”. Ini bermaksud setiap kita perlu mengatur langkah untuk mengubah sikap, dan memperbaiki diri kita dan bangsa kita ke arah kemajuan dan kesejahteraan. Kita harus meninggalkan perkara-perkara yang menghalang dan membantutkan kemajuan kita selama ini.
9. Saya yakin bahawa puan-puan yang terlibat dalam pertubuhan wanita seperti Wanita PERKIM adalah komited kepada pencapaian objektifnya iaitu untuk berbakti kepada masyarakat. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala meredhai usaha puan-puan. Saya mendoakan semoga Wanita PERKIM terus muncul sebagai satu pergerakan wanita yang dinamis dan dicontohi oleh pergerakan wanita yang lain demi memartabatkan imej wanita khasnya wanita Islam.
10. Mungkin "role model" kita ialah Saidatina Khatijah radiallahuanhu yang sanggup berkorban tenaga dan harta di samping suaminya yang tercinta. Ia amat memahami perjuangan dan cabaran Nabi Muhammad S.A.W., menghadapi kaum jahiliah Mekah. Sesungguhnya kemenangan awal Baginda adalah kerana kesabaran sokongan moral wanita terpuji ini. Kemudian apabila Baginda mengahwini Saiditina Aishah radiallahuanhu, ciri-ciri wanita moden sebenarnya terserlah daripada sifat peribadinya. Pintar, cekap, sentiasa memperjuangkan hak-hak wanita sehingga turunnya Surah Annisa yakni (khusus mengenal wanita) khusus bagi menjawab isu-isu dan persoalan yang diajukan oleh wanita intelektual ini, iaitu Saiditina Aishah. Tidak ada dalam kitab-kitab wahyu Allah yang lain yang mempunyai surah Annisa seperti yang termaktub dalam Al-Quranul Karim.

11. Puan-puan, dalam menghadapi alaf baru ini, sama-samalah kita mencontohi wanita agung Islam ini, kalau benar-benar kita mahu menghayati 'role -function' wanita sebagai 'pelengkap' atau 'Zaujahton' kaum lelaki sekaligus bermakna kita adalah sama taraf dan perlu diterima sebagai pemangkin kemajuan negara dan ummah.

12. Sebelum saya mengundur diri sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah kepada Wanita PERKIM di atas perayaan ulangtahunnya yang ke-20 dan dengan lafaz Bismillahir rahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Wanita PERKIM ke -20.

Wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
